




**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***MASYARAKAT SIVIL DAN PROSES PENDEMOKRASIAN DI MALAYSIA***

**MD. SALLEH BIN MD. SAID**

**FEM 2012 24**

**MASYARAKAT SIVIL DAN PROSES PENDEMOKRASIAN DI MALAYSIA**



**Oleh**

**MD. SALLEH BIN MD. SAID**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2012**

**ABSTRAK TESIS YANG DIKEMUKAKAN KEPADA SENAT UNIVERSITI  
PUTRA MALAYSIA SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**MASYARAKAT SIVIL DAN PROSES PENDEMOKRASIAN DI MALAYSIA**

**Oleh  
MD. SALLEH MD. SAID  
November 2012**

**Pengerusi: Prof. Jayum A. Jawan, PhD**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Tesis ini mengkaji fenomena protes masyarakat sivil di Malaysia dan impaknya ke atas proses pendemokrasian. Data primer tesis ini dikutip melalui temu bual mendalam dengan informan autoritatif, manakala data sekunder pula diperoleh melalui buku, jurnal, akhbar dan hasil kajian sarjana lepas. Bagi memandu tesis ini, kerangka konseptual masyarakat sivil dan proses pendemokrasian digunakan. Hipotesis kajian ini ialah masyarakat sivil turut mendorong proses pendemokrasian di Malaysia. Hasil kajian mendapati empat hal. Pertama, protes masyarakat sivil berlaku sejak zaman penjajahan lagi, terutamanya ketika British memperkenalkan gagasan Malayan Union. Dapatan ini berbeza dengan kesimpulan sarjana lepas yang menyatakan protes masyarakat sivil mula berlaku semasa Dr. Mahathir berkuasa. Kedua, protes masyarakat sivil yang muncul pada zaman selepas kemerdekaan adalah disebabkan oleh isu-isu sejagat seperti rasa tidak puas hati rakyat akibat penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan, pencabulan kepada sistem kehakiman dan hak asasi rakyat dan sekatan ke atas kebebasan media. Dapatan ini berbeza dari kajian sebelum ini yang menghujah politik perkauman dan layanan tidak adil kepada kaum bukan Melayu adalah faktor utama berlakunya protes masyarakat sivil.

Ketiga, kaedah yang dilakukan oleh kumpulan masyarakat sivil untuk menyatakan ketidakpuasan hati mereka adalah dengan dua cara, iaitu ‘protes politik luar ruangan’ dan ‘protes politik dalam ruangan.’ Kajian ini mendapati protes politik cara kedua jauh lebih berkesan berbanding kaedah pertama, khususnya pada saat berlakunya krisis kewangan tahun 1998 sehingga kini. Ini kerana berkembangnya media internet (ICT) yang dapat mengelakkan sekatan kerajaan ke atas media konvensional. Keempat, protes yang dilakukan tanpa kenal letih oleh masyarakat sivil dan parti pembangkang belum mencapai mana-mana tahap pendemokrasian Huntington, baik itu *transformation*, *replacement* mahupun *transplacement*. Ini kerana rejim berjaya mengawal ‘perut’ rakyat melalui pelbagai pendekatan seperti *coercive administrative approach* pada zaman Dr Mahathir, *cultural re-orientation approach* pada zaman Abdullah Badawi dan *economic re-orientation approach* pada zaman Najib. Dengan penemuan tersebut, tesis ini menyumbang kepada khazanah ilmu politik dari satu aspek, iaitu proses pendemokrasian yang dilakukan oleh kumpulan masyarakat sivil di Malaysia adalah bersifat gradual dan tidak serta merta berjaya. Ini kerana terdapat hubungan tolak ansur antara negara dan masyarakat sivil; negara berusaha untuk mendominasi (juga menghegemoni) kumpulan masyarakat sivil, sebaliknya kumpulan tersebut cuba memaksa negara untuk melakukan kompromi dan menerima tuntutan mereka agar wujudnya demokrasi.

**ABSTRACT OF THESIS PRESENTED TO THE SENATE OF UNIVERSITI  
PUTRA MALAYSIA IN FULFILMENT OF THE REQUIREMENT FOR THE  
DEGREE OF DOCTOR OF PHILOSOPHY**

**CIVIL SOCIETY AND THE DEMOCRATIZATION PROCESS IN MALAYSIA**

**By  
MD. SALLEH MD. SAID  
November 2012**

**Chairman: Prof. Jayum A. Jawan, PhD  
Faculty: Human Ecology**

This thesis examines the phenomenon of civil society protests in Malaysia and its impact upon the democratization process. The primary data was collected through in-depth interviews with authoritative informants, while secondary data was obtained from books, journals, newspapers and past studies. The conceptual framework used in this study is civil society and democratization process. The hypothesis of this study states that civil society contributes to the democratization process in Malaysia. There are four main findings of the study. First, civil society protests in Malaysia started since colonial times, especially when the British introduced the Malayan Union. This findings differs from conclusion of previous scholars who argued that civil society protests had first occurred when Dr. Mahathir was in power. Second, the emergence of civil society protest after Independence was due to universal issues such as the dissatisfaction of the people against government's abuse of power, violation of the judicial system and the people's liberties and restrictions on freedom of the media. This finding differs from previous studies which had argued that racism and unfair treatment of the non-Malays were the main factors that had caused the protests by the civil society. Third, there are two methods

used by civil society groups to express their dissatisfaction, namely 'political protest from outside' and 'political protest from within.' This study found that political protests from within is far more effective than the first method, especially when the financial crisis occurred in 1998. This has been made possible by the development of internet technology (ICT) that circumvent government control over the conventional media. Fourth, the untiring protests by civil society and opposition parties still cannot attain Huntington's democratization level, be it transformation, replacement or transplacement. This is because the regime managed to control the 'stomach of the people' through a variety of approaches such as administrative coercive approach during Dr Mahathir regime, cultural re-orientation approach during Abdullah Badawi's era and economic re-orientation approach during Najib's prime ministership. With these findings, this study contributes to the wealth of political knowledge from one aspect, the fruits of democratization attained by civil society groups in Malaysia are largely gradual and not immediate. This is because there is a relationship of compromise between the state and civil society. While the state tries to dominate (and also hegemonize) civil society groups, the latter also tries to force the state to make compromises and accept their demands for democratization.

## PENGHARGAAN

### Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

*Alhamdulillah*, dengan izin, restu, rahmat, kurnia, dan limpah rezeki-Nyalah, saya dapat menyiapkan juga kajian ini. Pun begitu, patut diakui, tidaklah mudah bagi saya menyelesaikan tesis ini kerana harus menempuh pengembaraan intelektual yang penuh dengan cabaran dan adakalanya juga bertembung dengan kesukaran untuk menjawab permasalahan dalam tesis ini. Walau bagaimanapun, banyak bantuan yang saya terima dalam usaha saya menyelesaikan penyelidikan ini menjadi *magnum opus* yang tinggi hasilnya. Oleh itu, saya hendak mengucapkan terima kasih pada banyak pihak dan ramai orang yang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung turut membantu dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Pertama sekali, ucapan terima kasih kepada bonda yang anaknda selalu minta doanya untuk mampu menyelesaikan tesis ini. Begitu juga, Allahyarham ayahnda yang sebenarnya ingin juga menyaksikan kejayaan anaknda mencapai tingkat pendidikan tertinggi ini. Tentunya tanpa keikhlasan bonda dan ayahnda mengenalkan anaknda pada ilmu dengan mengajari anaknda untuk mengenal huruf membaca dan menulis dulunya, anaknda tidak mungkin dapat mencapai darjah pendidikan Doktor Falsafah ini. Sujud takzim dan kasih yang tidak terhingga anaknda pada jasa budi ayahbonda berdua. Jerih payah bonda dan ayahnda mendidik dan membesarkan anaknda tidak akan mungkin dapat dibalas. Sekali lagi, terima kasih bonda dan ayahnda atas doa restunya mendorong anaknda menjadi menjadi anak yang berguna bagi orang tua, agama, nusa dan bangsa.

Kedua, saya ingin memanjangkan rasa penghargaan ini kepada isteri, Datin Seri Hajah Raya Erom yang banyak berkorban dan sentiasa berdoa untuk kejayaan ini. Beliau sering mengingatkan saya tentang kajian ini yang perlu disiapkan pada waktunya. Sikap beliau yang mendorong dan sikap anak-anak—Mohd Syarulnizam, Syazeera, Hafeez dan Syeera—yang sering bertanya bila saya akan menamatkan pengajian ini membuatkan saya begitu bertekad untuk melakukan kajian ini secara yang terbaik. Saya akui tanpa mereka yang sering mendorong dan bertindak sebagai sumber inspirasi, kajian ini tidak akan dapat disiapkan seperti mana sepatutnya.

Ketiga, dari lubuk hati yang paling dalam, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Jayum Jawan, Prof. Madya Dr Zaid Ahmad dan Dr Ahmad Tarmizi Talib atas tunjuk ajar, bimbingan, teguran dan nasihatnya yang begitu berguna bagi penerokaan perjalanan akademik saya. Perbincangan dengan mereka selalu inspiratif dan memberi ilham. Saya merasa beruntung mendapat penyelia yang sekali gus berperanan sebagai rakan berbincang dan banyak memberi kritikan konstruktif tentang bagaimana mengolah fakta, data dan peristiwa serta memperkukuhkan dan memantapkan hujah. Harus saya akui, pada awalnya saya berasa terbebani dengan teguran dan kritikan mereka, namun pada akhirnya saya menyedari bahawa komen-komen tersebut sangat bernilai harganya. Rasanya, saya tidak akan mampu untuk membalas kembali semua

curahan ilmu, tunjuk ajar dan perhatian, hingga ke akhir hayat. Dan selepas menyelesaikan penulisan ini, barulah saya sedar bahawa seorang Penyelia yang baik itu bukan sahaja setakat menjadi seorang mahaguru, tetapi juga seorang pendorong dan seorang pemimpin.

Keempat, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada parti politik USNO dan UMNO serta penduduk Kota Belud khususnya dan Sabah amnya kerana telah mengenalkan saya kepada politik. Kesemua di atas adalah makmal politik praktik saya. Tanpa kesempatan dan sokongan yang diberikan oleh parti dan juga penyokong saya, tentunya sukar untuk saya meneroka penyelidikan ini secara mendalam. Ini kerana dengan pengalaman yang saya kutip tadi, ia memudahkan saya meneliti, memahami dan menjiwai aspirasi masyarakat bawah tentang pendemokrasian, sekali gus menjadikan penyelidikan ini suatu pengalaman yang walaupun payah, tetapi menyeronokkan. Saya harus akui parti dan daerah tempat saya ‘mengenali dan bermain politik’ di Kota Belud dan Sabah adalah pembakar obor kepada saya untuk terus gigih menyiapkan penyelidikan kajian ini. Saya selalu menganggap kepercayaan yang diberikan itu sebagai amanah yang harus saya pikul dan junjung. Saya nekad menjaga amanah itu kerana saya tahu kejayaan tidak datang dengan sendiri tanpa usaha, seperti mana juga kata Huntington, “demokrasi tidak datang dengan sendiri tetapi harus diperjuangkan.”

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ini saya rakamkan kepada seluruh pimpinan Universiti Putra Malaysia (UPM), bermula daripada Dekan Sekolah Pengajian Siswazah dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk menempoh dan merajut untaian ilmu di kampus ini. Sebuah penghargaan yang tidak dapat diucapkan kerana dapat belajar di kampus yang sangat kondusif dengan pelbagai kemudahan yang menyokong serta mutu penyeliaan yang sangat memuaskan hati. Begitu juga dengan informan yang sudi ditemu bual, sama ada yang langsung mahupun tidak—yang nama mereka telah saya nyatakan dalam Senarai Rujukan—saya rakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua rakan—mohon maaf kerana tidak menyebutnya satu per satu di sini kerana senarainya yang terlalu panjang—yang telah meminjamkan keratan akhbar, majalah dan jurnal lama bagi penyempurnaan tesis ini. Selain itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada kawan-kawan politik, NGO dan akademik yang telah tulus memberi saranan, cadangan, dan dorongan untuk menyelesaikan kajian ini.

Walaupun ramai orang yang terlibat dalam menyumbangkan kepada kejayaan usaha saya untuk menyiapkan kajian ini, sekiranya terdapat kelemahan, maka saya terima kelemahan tersebut sebagai kekurangan dari saya sendiri. Allah maha mengetahui!

MD. SALLEH MD. SAID  
No. 4, Lorong Likas  
Desa Ria  
89400 Kota Kinabalu  
SABAH

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 7 November 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Md. Salleh b. Md. Said untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Masyarakat Sivil dan Proses Pendemokrasian di Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia Pertanian Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Norbaya binti Ahmad, PhD**

Prof. Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Sharifah Norazizan binti Syed Abd. Rashid, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Amaludin bin Ab. Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Abdul Rahman bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor  
Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad  
Universiti Utara Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**SEOW HENG FONG, PhD**

Profesor/Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 November 2012

Tesis ini diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Prof. Jayum Anak Jawan, PhD**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Prof. Madya Zaid Ahmad, PhD**

Prof. Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT**

Profesor/Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## PERAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.

---

**MD. SALLEH MD. SAID**

Tarikh: 7 November 2012

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>KANDUNGAN</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
 <b>BAB</b>	
<b>I      PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pengenalan	1
1.2    Permasalahan Kajian	8
1.3    Tujuan Kajian	15
1.4    Skop Kajian	18
1.5    Sorotan Literatur	22
1.5.1    Masyarakat Sivill dan Pendemokrasian di Negara Maju	23
1.5.2    Masyarakat Sivill dan Pendemokrasian di Negara Sedang Membangun	31
1.5.3    Masyarakat Sivill dan Pendemokrasian di Malaysia	42
1.6    Kaedah Penyelidikan	51
1.7    Organisasi Penulisan	56
 <b>II      KERANGKA KONSEPSUAL: MASYARAKAT SIVIL           DAN PENDEMOKRASIAN</b>	 <b>60</b>
2.1    Pengenalan	60
2.2    Suara Dari Bawah: Analisis Konsep Masyarakat Sivill	61
2.3    Konsep Demokrasi dan Pendemokrasian	76
2.4    Hubungan Antara Masyarakat Sivill dan Pendemokrasian	93
2.5    Kerangka Kajian	102
2.6    Rumusan	108
 <b>III     KEMUNCULAN AWAL PROTES POLITIK DI MALAYSIA:           DARI MALAYAN UNION KE DASAR EKONOMI BARU</b>	 <b>111</b>
3.1    Pengenalan	111
3.2    Protes Rakyat Terhadap Malayan Union dan Kemerdekaan Tanah Melayu	113
3.3    Protes Politik dan Rusuhan Kaum 1969	123
3.4    Dasar Ekonomi Baru dan Hegemoni UMNO	139
3.5    Strategi Depolitisasi Kerajaan dan Protes Masyarakat Sivill	155
3.6    Rumusan	164

<b>IV</b>	<b>AUTORITARIANISME MAHATHIR DAN PROTES POLITIK DI MALAYSIA</b>	<b>166</b>
4.1	Pengenalan	166
4.2	Dinamika Protes Politik pada Zaman Awal Pemerintahan Mahathir	168
4.3	Persaingan Politik Dalam UMNO dan Autoritarianisme Mahathir	189
4.4	Krisis Kewangan 1997 dan Tercabarnya Hegemoni Mahathir	217
4.5	Rumusan	230
<b>V</b>	<b>PERGESERAN POLITIK DI MALAYSIA: DARI REFORMASI KE PILIHAN RAYA UMUM 1999</b>	<b>232</b>
5.1	Pengenalan	232
5.2	Politik Anwar Ibrahim: Dari Menteri ke Tirai Besi	233
5.3	Peranan Masyarakat Sipil dan Protes Politik Era Reformasi	241
5.4	Gerakan Reformasi dan dan Impaknya Ke Atas Pendemokrasian Politik Malaysia	262
5.5	Rumusan	278
<b>VI</b>	<b>MASYARAKAT SIVIL DAN PROSES PENDEMOKRASIAN: DARI ZAMAN ABDULLAH BADAWI KE NAJIB RAZAK</b>	<b>281</b>
6.1	Pengenalan	281
6.2	Politik Malaysia Di Zaman Abdullah Badawi dan PRU 2004	282
6.3	Masyarakat Sipil dan Pendemokrasian Politik Malaysia di Bawah Abdullah Badawi	297
6.4	Masyarakat Sipil dan Pendemokrasian di Malaysia Pasca PRU 2008	317
6.5	Pendemokrasian Politik Malaysia di Bawah Pemerintahan Najib	331
6.6	Rumusan	339
<b>VII</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>343</b>
7.1	Pengenalan	343
7.2	Sumbangan Akademik Kajian Ini: Masyarakat Sipil dan Pendemokrasian Politik Malaysia	344
7.3	Pendemokrasian Malaysia dan Saranan Penyelidikan Seterusnya	365
	<b>RUJUKAN</b>	<b>369</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	